

U B927 BAH
MAHATHIR - KESELAMATAN

BUKIT KAYU HITAM, 26 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATI ORANG RAMAI SUPAYA JANGAN MEMASUKI KAWASAN KESELAMATAN DI PERBATASAN NEGARA BAGI MENGELAK DARIPADA TERKENA JERANGKAP SAMAR.

BELIAU BERKATA, INI KERANA KAWASAN BERKENAAN MASIH MEMPUNYAI BANYAK JERANGKAP SAMAR YANG DITANAM OLEH PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DAHULU, WALAUPUN PKM TELAH MENAMATKAN GERAKAN BERSENJATANYA.

+PASUKAN KESELAMATAN KINI SEDANG BERUSAHA MENGESAN DAN MENGENAL PASTI KAWASAN-KAWASAN YANG ADA JERANGKAP SAMAR UNTUK MENGELUARKANNYA DENGAN BANTUAN PKM,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA PADA MAJLIS PERJUMPAAN HARI RAYA DENGAN ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN DI KEM 305 INFANTRI, PASUKAN ASKAR WATANIAH DI SINI, HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, ANTARA KAWASAN YANG DIKESAN MEMPUNYAI JERANGKAP SAMAR IALAH GUBIR DI SELATAN KEDAH DAN GRIK, PERAK.

+ORANG RAMAI DINASIHATKAN SUPAYA TIDAK MEMASUKI KAWASAN-KAWASAN DI SEPANJANG PERBATASAN NEGARA KERANA KITA TIDAK TAHU BILAKAH TEMPOH KEBERKESANAN JERANGKAP SAMAR ITU BERAKHIR,+ KATANYA. -- LAGI.

1947MST 26 05 90

U B928 BAH
MAHATHIR - KESELAMATAN 2 BUKIT KAYU HITAM

BELIAU BERKATA, BANYAK LAGI KAWASAN YANG TELAH DITANAM DENGAN JERANGKAP SAMAR DAN KEDUDUKANNYA HANYA DIKETAHUI OLEH PKM.

KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 300 ORANG ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN PADA MAJLIS ITU, BELIAU BERKATA, KERAJAAN SEDANG MEMBELI RUMAH-RUMAH AWAM YANG SEDANG DAN TELAH SIAP DIBINA UNTUK RUMAH PENGINAPAN ANGGOTA POLIS.

MENURUTNYA, SEHINGGA KINI KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN SEJUMLAH \$100 JUTA DARIPADA \$500 JUTA YANG DIPERUNTUKAN BAGI MAKSUD ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TIDAK MAHU MENUNGGU LEBIH LAMA UNTUK MEMBINA PROJEK PERUMAHAN BAGI PASUKAN POLIS KERANA HARGANYA MENINGKAT DARI MASA KE SEMASA.

KATANYA, SEHINGGA KINI KERAJAAN TELAH MEMBELI BEBERAPA UNIT RUMAH DI SELANGOR, JOHOR DAN PULAU PINANG.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELAWAT POS KAWALAN UNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN DI SEMPADAN DAN TAPAK MASJID BUKIT KAYU HITAM DENGAN DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI, DATUK HAJI HANAFI RAMLI, PANGLIMA 12 BRIGED, BRIG JEN DATUK JAAFAR MOHAMAD YUSOF DAN KETUA POLIS KEDAH, DATUK MOHAMAD SOM SULAIMAN. -- BERNAMA.

1949MST 26 05 90